

INTERPRETASI INTRINSIK DALAM KARYA CATAN SYED AHMAD JAMAL

Nur Nazirah Binti Musa¹, Harozila Binti Ramli²

¹ Universiti Perguruan Sultan Idris, MALAYSIA, iranazira87_3107@yahoo.com

ABSTRAK

Penulisan ini memberi fokus terhadap karya catan Syed Ahmad Jamal yang dipilih sekitar tahun 50-an sehingga tahun 2000. Salah satu karyanya “Gunung Ledang/ Tanjung Kupang” memberi identiti kepada pelukis Syed Ahmad Jamal. Sorotan literatur berkaitan catan dan katalog-katalog pameran sekitar tahun 1950-an sehingga tahun 2000 menjadi satu sumber rujukan yang penting untuk mengkaji perkembangan “Interpretasi Intrinsik dalam penulisan ini. Karya-karya beliau dalam perkembangan Seni Lukis Moden Malaysia wajar dikaji dan direkodkan. Kajian kualitatif ini berdasarkan data yang dikumpul daripada katalog- katalog pameran, buku-buku, dan lain- lain rekod rasmi. Permasalahan dalam pencarian makna karya sukar untuk dijelaskan secara tepat namun analisis melalui simbol, bentuk, warna dan tema diberikan tumpuan dalam mengetahui makna yang tersirat. Berdasarkan analisis yang dibuat karya beliau mewakili identiti Melayu dan Islam iaitu penekanan diberi terhadap sejarah dan budaya Melayu yang bercirikan seni moden. Selain itu pengalaman sepanjang menjadi seniman menjadi salah satu faktor yang dipamerkan dalam catan. Kesimpulannya penulisan ini membuka ruang lebih luas kepada kajian-kajian mendalam dan bersifat ilmiah di dalam perkembangan seni lukis moden Malaysia serta memberi pengetahuan dalam menjelaskan karya Syed Ahmad Jamal dengan lebih mendalam.

Kata kunci: Interpretasi, Intrinsik, Catan, Syed Ahmad Jamal

PENGENALAN

Karya catan Syed Ahmad Jamal, dari tahun 1950-an hingga tahun 2000 yang dikenalpasti mempunyai makna secara peribadi dan juga sejarah budaya yang menjurus kepada diri pelukis serta negara. Ia menjurus dalam konteks catan yang berfalsafah. Kemahiran beliau dalam seni visual menjadikan penulisan ini satu penulisan yang menarik dalam mengetahui perit getir yang divisualkan dalam karya seni yang dihasilkan.

*Seni adalah intipati kehidupan
pengamatan alam diserapkan ke ruang
dalaman dan kemudian diutarakan keluar
untuk diamati oleh masyarakat sebagai imej
jiwa manusia.¹*

PERMASALAHAN KAJIAN

Dalam analisis terhadap catan Syed Ahmad Jamal, Lima puluh tahun karyanya mempunyai perubahan yang ketara, namun apakah makna intrinsik dalam setiap era yang dihasilkan daripada makna peribadi, identiti, simbol, dan agama.

Syed Ahmad Jamal's works consciously symbolic, the trigular motif is again an "archtypal" motif. The cosmopolitan character of Syed Ahmad Jamal's thinking and outlook has ensured that the search for culture roots need not become bogged down by sentimentalism and indulgence. Here in, lies his straight as a modern artist.²

Aspek pemikiran Syed Ahmad Jamal dirungki oleh pengkaji untuk mengetahui apakah makna yang cuba disampaikan. Dengan menggunakan gaya ekspresionis dalam menghasilkan sesebuah catan, idiom yang digunakan ini tidak semua orang yang dapat memahami karya beliau dengan lebih jelas, terutama dalam aliran ekspresionis. Adakah gaya ini memberi kesan terhadap tindak balas keindividuaan dan alam persekitaran. Nilai-nilai intrinsik juga ingin diperjelaskan untuk mengetahui bagaimanakah makna yang disampaikan melalui pengamatan peristiwa dan pengalaman beliau sebagai pelukis.

SOROTAN LITERATUR

Syed Ahmad Jamal adalah seorang pelukis dan beliau juga seorang penulis, ini adalah satu bakat yang terpendam serta jarang dimiliki oleh kebanyakan pelukis di Malaysia. Beliau gemar melukis alam. Alam adalah inspirasi utama dalam berkarya. Dari kaca mata Islam ia adalah "ayat ayat" Allah yang memaparkan bukti kebesaran Tuhan. Apabila seorang Muslim tenggelam dalam dunia spiritual, beliau mampu menghasilkan sebuah karya dalam dimensi kosmos. Maka ia sebenarnya mempunyai hubungan batin antara bentuk-bentuk seni tersebut. Syed Ahmad Jamal mengaitkan antara alam dan manusia serta Tuhan yang menciptakannya ia saling berinteraksi dan berkomunikasi dalam satu kesatuan iaitu di atas catan.

"Tuhan menciptakan cahaya Langit dan bumi" penegasan Al-Quran yang menyatakan dimensi "kosmogonis dan kosmologis" diperkuat oleh Rasul saw. Yang pertama kali dicipta Tuhan adalah cahaya.³

Hubungan antara konsep waktu dan kadangkala budaya. Kesemuanya dinyatakan melalui sejarah beliau sebagai seorang pelukis dengan imbasan-imbasan waktu dalam menghayati bahasa seni visual secara tersurat dan tersirat. Kajian intrinsik ini lebih dekat untuk melihat karya catan beliau melalui pengalaman hidupnya yang luas dan ia lebih menjurus ke arah spiritual.

Apabila melihat karya catan Syed Ahmad Jamal, garisan dan warna menjadi alat komunikasi, ia dijadikan idea dan emosi dengan cara-cara tersendiri. Pelukis mahir dalam menimbulkan makna yang berbeza dengan penggunaan garisan yang abstrak. Garisan adalah pengucapan isi kalbu manusia sebagai unsur tertua dalam seni halus.

METODOLOGI

Penyelidikan kualitatif ini lebih menjurus kepada deskriptif, data akan dikumpul dalam bentuk perkataan, katalog-katalog pameran yang berkaitan kepada fokus kajian. Catan yang dipilih dibahagikan mengikut era, iaitu di antara tahun 1950-an-2000. Ini bertujuan untuk memudahkan pengkaji melihat perbezaan dari segi makna yang menjadikan karya beliau menarik untuk dikaji iaitu dalam persoalan makna peribadi atau terbuka.

Dalam proses memperlihatkan interpretasi intrisik dalam catan Syed Ahmad Jamal, disini pengkaji melihat catan-catan yang memperlihatkan tema-tema yang menggambarkan budaya Melayu/Islam dan pengkaji menganalisis bagaimana catan ini dihasilkan daripada penganalisaan komposisi, simbol yang digunakan dan bagaimana dalam menentukan imej tertentu dalam catan khususnya bersandarkan pada pembacaan dalam menentukan bahan-bahan tertentu dalam menghasilkan karya catan yang dihasilkan.

DATA KAJIAN



Rajah 1 She/Dia, 1959, cat minyak, 162.5cmx185.5cm
Koleksi Balai Seni Lukis Negara

Kebiasaan figura-figura yang dilukis oleh Syed Ahmad Jamal di dalam catan umumnya menggunakan sapuan berus yang kasar sehingga kita hanya dapat meneliti bentuk-bentuk figura itu dalam calitan warna yang berada dalam pelbagai komposisi namun berbeza dengan catan "Dia", pengkaji dapat melihat figura ini dilukis dengan baik dan ada beberapa bahagian yang sangat menyeluruh diolah oleh Syed Ahmad

Jamal . “Dia” merupakan sebuah catan yang bersifat peribadi kerana tidak pernah dipamerkan semasa seniman masih hidup.

Lukisan-lukisan Syed Ahmad Jamal di awal 50-an, memperlihatkan lakaran-lakaran wanita yang di mana bukanlah lakaran yang tidak bermakna, tetapi ia melakarkan suasana figura wanita “ Melayu” jika diteliti dan kesemua lakaran wanita yang berada dalam koleksi beliau adalah lakaran-lakaran wanita Melayu. Pengkaji menyatakan demikian kerana walaupun ia dilukis dengan garisan yang kasar namun penelitian terhadap pakaian dan suasana yang diaplikasinya menggambarkan suasana adat Melayu yang mungkin simbolik memperjelaskan tentang jati dirinya dan kecantikan adat orang Melayu. Kenyataan Al-Quran berkenaan sifat Allah tentulah menolak sebarang perlambangan melalui kaedah deria sama ada dalam bentuk manusia atau binatang. Gambaran lukisan yang seolah-olah diagungkan juga dilarang dalam Islam. Secara intrinsiknya Syed Ahmad Jamal tahu tentang apa yang dijelaskan dalam keseniaan Islam, imej figura wanita ini sengaja tidak dilukis dalam gaya realistik kerana mengagungkan figura bukan sesuatu yang dibenarkan Islam. Pelukis harus berilmu dan faham apa yang tersirat dan bertanggungjawab ke atas karyanya.



Rajah 2 Jendela di Angkasa,1969,arkrilik,190x279cm
Koleksi Balai Seni Lukis Negara

Melihat pada era 60-an dan khususnya dalam catan “Jendela di Angkasa”, Syed Ahmad Jamal sering menggunakan warna-warna yang terang di dalam karya contohnya warna merah, oren dan kuning, jika diselidiki karya-karya dalam era ini adalah karya yang menyatakan tentang kritikan sosialnya terhadap apa yang berlaku di sekelilingnya iaitu secara global. Dalam penelitian pengkaji tentang catan “ Jendela di Angkasa” 1969, Syed Ahmad Jamal menyatakan reaksinya terhadap apa yang berlaku secara global sekitar tahun sebelumnya, peristiwa-peristiwa pahit dan kurang menyenangkan, seperti yang dinyatakan dalam buku “ Pelukis Syed Ahmad Jamal”, apa yang berlaku pada 1968, keadaan di Paris telah menjadi tidak terkawal dan dengan kebangkitan pelajar dan penyokongnya yang memberontak menentang pihak berkuasa. ⁴Warna merah di dalam *simbolism* ada positif dan negatifnya, di sini pengkaji menerangkan tentang “negatif *connotation*” yang cuba dipaparkan oleh Syed Ahmad Jamal dalam karya ini iaitu pertumpahan darah, perang dan kekejaman.



Rajah 3 Gunung Ledang/Tanjung Kupang,1978, akrilik,213x203cm
Koleksi Balai Seni Lukis Negara

Catan “Gunung Ledang / Tanjung Kupang” adalah satu karya yang memberi impak yang besar dalam dunia seni lukis moden di Malaysia. Beliau mengangkat sebuah cerita mitos Melayu menjadi sebuah karya yang membuka minda khalayak untuk melihat karya seni dalam konteks sejarah Melayu. Menurut Syed Ahmad Jamal catan ini mempunyai satu kisah yang melibatkan diri beliau dan menjadikan ia sebagai lambang dan kisah yang digabungkan antara tragedi terhempasnya kapal terbang MAS di Tanjung Kupang dan sastera Melayu iaitu “Gunung Ledang”. Peristiwa malang ini terjadi di Tanjung Kupang pada 1978, telah meragut kesemua nyawa penumpang kapal terbang MAS dan termasuk sahabat karib Syed Ahmad Jamal iaitu “Datuk Ali Haji Ahmad” Menteri Pertanian Malaysia ketika itu.⁵ Simbol segitiga pada karya adalah lambang roh-roh yang terkorban di dalam kejadian yang berlaku dan ia diangkat ke atas sebagai satu simbolik di dalam karya ini.

Syed Ahmad Jamal juga ada mengatakan kepada beliau simbol segitiga yang jelas di bahagian tengah karya adalah salah satu “optikal ilusi” yang digambarkan sebagai landasan kapal terbang pada ketika itu, dan tujuh lapisan di dalam karya ini juga adalah simbolik ke atas tujuh permintaan Puteri Gunung Ledang yang meminta hantaran kepada Tun Mamat pada ketika proses peminangan seperti yang diceritakan di dalam mitos Gunung Ledang dan sejarahnya. Ia adalah sebuah cerita mitos yang dipersembahkan oleh Syed Ahmad Jamal dalam seni visual.



Rajah 4 Lailatul Q'dar, 2004, akrilik,171 x231cm
Koleksi Dr Azman Ahmad

Manusia sentiasa berubah dan tidak statik dengan sesuatu yang sama, bahasa lukisannya adalah bahasa internasional dan kerjanya adalah Islami. Ia sesuatu yang berbeza jika dilihat dari sudut karyanya kerana ada unsur-unsur Islam dalam karya catan yang dihasilkannya di antaranya adalah catan Lailatul Qadr (*Night of Power*). Ciri-ciri intrinsik catan "Lailatul Qadr" ini sangat jelas ia berpaksikan Islam, melalui tajuknya khalayak khususnya yang beragama Islam dapat memahami apa yang dijelaskan oleh beliau dalam catan ini. Malam Lailatul Qadr ini adalah hadiah ALLAH kepada umat Islam ia adalah malam yang mempunyai kedudukan yang tertinggi dalam bulan Ramadhan dan diikuti dengan malam nisfu Syaaban. Pada malam ini sesiapa yang melakukan ibadat pahalanya seperti beribadat seribu bulan atau 84 tahun. Pengkaji melihat catan ini diwarnai dengan julat berwarna biru gelap memenuhi ruang catan, jika dirujuk di dalam Al-Quran, Lailatul Qadr adalah sepertiga malam yang sangat redup dan tenang, biru mewakili suasana pada ketika malam yang dijelaskan dengan malam rahmat ini.

Manakala cahaya berwarna merah, oren, kuning dan hijau dengan sapuan berus yang ekspresif memperlihatkan rahmat-rahmat ALLAH yang begitu banyak diturunkan pada malam itu dan istemewanya berbanding malam-malam yang lain. Cahaya yang menyinari malam yang indah dan khalayak dapat merasai pergerakan warna ini dengan saiz catan yang sangat besar memenuhi Muzium Seni Islam dalam pameran yang bertajuk Ruang. Catan yang dilukis dalam gaya abstrak ekspresionis dihasilkan dengan rujukan Al Quran dan diterjemahkan dalam bentuk karya seni.

KESIMPULAN

Kajian mencungkil ciri intrinsik dalam karya Syed Ahmad Jamal ini adalah bertujuan untuk mengisi makna modenisme dalam seni lukis moden Malaysia. Jelas terlihat dalam setiap dekad bermula pada tahun 50 an walaupun melukis dengan gaya moden namun konteks dan penyampaiannya mempunyai kekuatan jati diri anak Melayu. Kematangan catan beliau lebih menyerlah apabila isu budaya dan hikayat direkodkan sebagai sebuah karya dalam konteks sejarah, memberi tindak balas yang indah dalam karya abstraknya. Tema seperti "Gunung Ledang" menjadikan karya lebih membuka minda khalayak, ia sebuah cerita mitos dalam budaya Melayu, sebuah cerita besar namun pengolahan gaya yang moden dilakukan oleh beliau.

Kesimpulan yang dapat pengkaji nyatakan melalui kajian "Interpretasi Intrinsik dalam Karya Catan Syed Ahmad Jamal" adalah pendekatan pengalaman hidup yang dihasilkan dalam karya adalah tentang jati dirinya sebagai seorang Melayu dan Islam, beliau sedar tentang prinsip yang seharusnya digunakan dalam melahirkan sebuah karya seni yang bukan sahaja bagus tetapi mempunyai makna.

RUJUKAN

- ¹ Syed Ahmad Jamal,1999 ,*Impian dan Kenyataan, Pameran Seni Lukis Syed Ahmad Jamal*, Seniman Negara, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Pustaka: ms 11
- ² Mohamed Ali Abdul Rahman ,2008,*Modern Malaysia Manifestation of Malay form and content*:Universiti Publication centre: hlm78
- ³Tjetjep Rohendi Rohidi, (2011), *Metodologi Penelitian Cipta Prima Nusantara*:Indonesia
- ⁴ D'Zul Haimi Md Zain, Abdul Syukor Hasyim,(2009), Syed Ahmad Jamal "PELUKIS", Kuala Lumpur: Balai Seni Lukis Negara: hlm 70
- ⁵ Ibid ms 61

BIBLIOGRAFI

- D'Zul Haimi Md Zain, Abdul Syukor Hasyim,(2009), Syed Ahmad Jamal "PELUKIS", Kuala Lumpur: Balai Seni Lukis Negara
- Mohamed Ali Abdul Rahman, (2008), *Modern Malaysia Art and Malay Form Content*:University Publication Centere
- Syed Ahmad Jamal,(1999), *Kunang-kunang*,Kuala Lumpur: Balai Seni Lukis Negara
- Tjetjep Rohendi Rohidi, (2011), *Metodologi Penelitian Cipta Prima Nusantara*: Indonesia